

15 NOV 1999

Sulaiman-Bengkel

SEKTOR PERTANIAN HARUS DIBERI SUNTIKAN BARU KATA SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Sektor pertanian negara perlu diberi suntikan baru bagi memastikan pembangunan pertaniannya bergerak maju dan berdaya saing sejajar dengan perkembangan dan kemajuan sektor lain, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

"Pertanian telah mula mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk kerajaan malahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah menyatakan wawasan negara seterusnya ialah menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama hasil pertanian," katanya.

Sulaiman berkata demikian pada perasmian bengkel "Arah Masa Depan dan Peluang dalam Pengeluaran Makanan dalam Dasar Pertanian Negara ke Tiga" di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan pertanian Akademi Sains Malaysia Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir.

Beliau berkata pertanian tidak lagi boleh dibuat secara tradisional tetepi mestilah dikomersilkan seperti estet-estet bagi mendapat faedah sepenuhnya.

"Tanah-tanah pertanian atau pun perniagaan pengeluaran makanan yang dibuat oleh usahawan kecil dan sederhana mungkin sesuai digabungkan supaya ia dapat beroperasi pada skala yang lebih besar dan ini akan memudahkan sektor ini dimodenkan," katanya.

Bengkel dua hari yang akan berakhir esok dijangka akan memberi beberapa rumusan baru dalam merangka dan meningkatkan pengeluaran makanan. Antara peserta yang mengambil bahagian ialah agensi pertanian kerajaan dan swasta seperti Porim, Felda, Risda dan Mardi.

Bengkel ini memberi tumpuan kepada peluang-peluang perniagaan yang terdapat dalam industri makanan seperti pengeluaran, prosesan, pengstoran, pengangkutan, perbankan, insurans dan pengeksportan.

-- BERNAMA

JAY LAT